

Tukang Karut Tersohor

Setahun yang lalu, Mira berkunjung ke rumah rakannya, Dina di Kota Bharu, Kelantan. Ayah Dina tukang karut tersohor. Ayah Dina dan kumpulan dikir baratnya, Pesona Pujangga sering membuat persembahan di merata-rata tempat.

Menurut ayah Dina, tukang karut merupakan orang yang paling penting dalam kumpulan dikir barat. Semasa persembahan dikir barat, tukang karut akan berpantun dan bersyair. Tukang karut mestilah kreatif kerana pantun dan syair perlu disampaikan secara spontan.

Ketika berada di Kota Bharu, Mira sempat menyaksikan persembahan dikir barat oleh ayah Dina. Mira berasa sungguh kagum apabila melihat kehebatan ayah Dina beraksi di atas pentas. Beliau bukan sahaja hebat berpantun dan bersyair tetapi juga bijak berinteraksi dengan penonton.

Pengalaman itu amat bermakna bagi Mira. Dia berasa bertuah kerana dapat menyaksikan persembahan dikir barat. Dia berharap agar warisan seni itu tidak luput ditelan zaman. Sekiranya tukang karut seperti ayah Dina sudah tiada, pelapis dalam kalangan anak muda perlulah menggantikannya.

KIT KATA

tukang karut: orang yang paling penting dalam persembahan dikir barat yang menyampaikan lagu dan pantun secara spontan dan agak rancak

dikir barat: nyanyian beramai-ramai sambil berbalas-balas pantun

spontan: berlaku atau terdetus dengan sendiri (tidak dengan dipaksa-paksa)

1. Siapakah tukang karut?

Tukang karut ialah _____

2. Mengapakah tukang karut dianggap sebagai orang yang paling penting dalam persembahan dikir barat?

Tukang karut dianggap sebagai orang yang paling penting dalam persembahan dikir barat kerana _____

3. Jika kamu diberikan peluang untuk menubuhkan kumpulan dikir barat, apakah nama yang akan kamu berikan kepada kumpulan kamu?

KBAT Menilai

Jika saya diberikan peluang untuk menubuhkan kumpulan dikir barat, nama yang akan saya berikan kepada kumpulan saya ialah _____